



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 18 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

18/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>CHILDCARE CENTRES WELCOME 'NO CCTV, NO LICENCE RENEWAL' PLAN</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/08/17/childcare-centres-welcome-no-cctv-no-licence-renewal-plan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/08/17/childcare-centres-welcome-no-cctv-no-licence-renewal-plan/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/218289/childcare-centres-welcome-no-cctv-no-licence-renewal-plan/">https://www.dailyexpress.com.my/news/218289/childcare-centres-welcome-no-cctv-no-licence-renewal-plan/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>MAJLIS GALA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN TAHUN 2023 PERINGKAT KPWK</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=-VWkLKppWck">https://www.youtube.com/watch?v=-VWkLKppWck</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>MENTERI, TIMBALAN MENTERI, MB ZAHIR TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA NAHAS PESAWAT DI ELMINA</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2217261">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2217261</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>WANITA GUNA PELAPIK TEMPAT DUDUK "PANJANGKAN" SKIRT</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/08/17/wanita-guna-pelapik-tempat-duduk-panjangkan-skirt/">https://malaysiagazette.com/2023/08/17/wanita-guna-pelapik-tempat-duduk-panjangkan-skirt/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	ELAK DEDAH KANAK-KANAK GUNA GAJET SEBELUM USIA DUA TAHUN - PAKAR	
	<a href="https://www.astroawani.com/gaya-hidup/elak-dedah-kanakkanak-guna-gajet-sebelum-usia-dua-tahun-pakar-433200">https://www.astroawani.com/gaya-hidup/elak-dedah-kanakkanak-guna-gajet-sebelum-usia-dua-tahun-pakar-433200</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	MULA-MULA DISANGKA DEMAM, KANAK-KANAK PERLU RM80,000 RAWAT LEUKEMIA	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/mula-mula-disangka-demam-kanak-kanak-perlu-rm80000-rawat-leukemia/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/mula-mula-disangka-demam-kanak-kanak-perlu-rm80000-rawat-leukemia/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SECOND NURSERY FOR CIVIL SERVANTS' CHILDREN OPENS IN KOMTAR	
	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/08/17/second-nursery-for-civil-servants-children-opens-in-komtar#:~:text=A%20NEW%20nursery%20centre%20catering,has%20been%20ope rating%20since%202014.">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/08/17/second-nursery-for-civil-servants-children-opens-in-komtar#:~:text=A%20NEW%20nursery%20centre%20catering,has%20been%20ope rating%20since%202014.</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	GENDER RESPONSIVE BUDGETING IN PRACTICE PROGRAMME HELPS ENSURE FAIR ALLOCATION OF RESOURCES FOR ALL	
	<a href="https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/08/17/gender-responsive-budgeting-in-practice-programme-helps-ensure-fair-allocation-of-resources-for-all">https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/08/17/gender-responsive-budgeting-in-practice-programme-helps-ensure-fair-allocation-of-resources-for-all</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	ECONOMY REBOUNDS, BUT WOMEN'S WORKFORCE PRESENCE LAGS	
	<a href="https://themalaysianreserve.com/2023/08/17/economy-rebounds-but-womens-workforce-presence-lags/">https://themalaysianreserve.com/2023/08/17/economy-rebounds-but-womens-workforce-presence-lags/</a>	THEMALAYSIANRESERVE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

18/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>TIDAK MENGAMUK, PEMANDU LAMBORGHINI MAAFKAN WARGA EMAS LANGGAR KERETA</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-mengamuk-pemandu-lamborghini-maafkan-warga-emas-langgar-kereta-433251">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-mengamuk-pemandu-lamborghini-maafkan-warga-emas-langgar-kereta-433251</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/274218/berita/semasa/pemilik-lamborghini-tenang-maafkan-warga-emas-langgar-keretanya">https://www.sinarharian.com.my/article/274218/berita/semasa/pemilik-lamborghini-tenang-maafkan-warga-emas-langgar-keretanya</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>DITINGGALKAN SUAMI AKIBAT PENYAKIT KANSER, MARNI AZJUWITA SEORANG DIRI BESARKAN 3 ANAKNYA</b>	
	<a href="https://sinarplus.sinarharian.com.my/kisah-masyarakat/sinar-prihatin/ditinggalkan-suami-akibat-penyakit-kanser-marni-azjuwita-seorang-diri-besarkan-3-anaknya/">https://sinarplus.sinarharian.com.my/kisah-masyarakat/sinar-prihatin/ditinggalkan-suami-akibat-penyakit-kanser-marni-azjuwita-seorang-diri-besarkan-3-anaknya/</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>TUNGGU MASA DIUSIR KELUAR DARI RUMAH SEWA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000439/tunggu-masa-diusir-keluar-dari-rumah-sewa">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000439/tunggu-masa-diusir-keluar-dari-rumah-sewa</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>15 PENDUDUK MEMERLUKAN DI SRI AMAN TERIMA KERUSI RODA</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/17/15-penduduk-memerlukan-di-sri-aman-terima-kerusi-roda">https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/17/15-penduduk-memerlukan-di-sri-aman-terima-kerusi-roda</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	PELBAGAI PROGRAM BELA WANITA TERENGGANU	
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/08/17/pelbagai-program-bela-wanita-terengganu/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/08/17/pelbagai-program-bela-wanita-terengganu/</a>	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
15	WANITA TAMBAH PENDAPATAN AMBIL UPAH JAHIT PAKAIAN TEMA HARI MERDEKA	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/274223/video/berita-semasa-video/wanita-tambah-pendapatan-ambil-upah-jahit-pakaian-tema-hari-merdekanbsp">https://www.sinarharian.com.my/article/274223/video/berita-semasa-video/wanita-tambah-pendapatan-ambil-upah-jahit-pakaian-tema-hari-merdekanbsp</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	IMPIAN KANAK-KANAK LAPAN TAHUN HIDAP LEUKEMIA NAIK TREN TERCAPAI	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2217183">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2217183</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	PEKERJA OKU KENDALI CAWANGAN STARBUCKS PERKASA GOLONGAN TERBABIT	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/17/pekerja-oku-kendali-cawangan-starbucks-perkasa-golongan-terbabit">https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/17/pekerja-oku-kendali-cawangan-starbucks-perkasa-golongan-terbabit</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	LARIKAN SUV, LEPAS CABUL WARGA EMAS	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000507/larikan-suv-lepas-cabul-warga-emas">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000507/larikan-suv-lepas-cabul-warga-emas</a>	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

18/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>WARGA EMAS 93 TAHUN MAUT DILANGGAR LORI</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/274343/berita/semasa/warga-emas-93-tahun-maut-dilanggar-lori">https://www.sinarharian.com.my/article/274343/berita/semasa/warga-emas-93-tahun-maut-dilanggar-lori</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/pejalan-kaki-usia-93-tahun-maut-dilanggar-lori/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/pejalan-kaki-usia-93-tahun-maut-dilanggar-lori/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	<b>LELAKI SAMUN, CABUL WARGA EMAS DI TAIPING DITAHAN</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2217240">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2217240</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/lelaki-samun-cabul-warga-emas-di-taiping-ditahan-PE11378214">https://www.thesundaily.my/cerita/lelaki-samun-cabul-warga-emas-di-taiping-ditahan-PE11378214</a>	THESUNDAILY.MY



TAJUK :	KERAJAAN KOMITED LAKSANA PELBAGAI INISIATIF TINGKAT PENDAPATAN RAKYAT		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	18 OGOS 2023	M/SURAT :	15
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# Kerajaan komited laksana pelbagai inisiatif tingkat pendapatan rakyat

Program khas diperkenalkan bantu jana ekonomi kumpulan sasar, hapus kemiskinan

Oleh Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan komited melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi menyelesaikan isu ekonomi dan menangani kemiskinan tegar di negara ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron, berkata faktor ekonomi makro dan akar umbi adalah antara penyumbang kemiskinan tegar, seperti penguncupan ekonomi susulan pandemik COVID-19 yang menyebabkan peningkatan insiden kemiskinan. "Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di bawah Kementerian Ekonomi menjadi strategi serampang dua mata dengan meningkatkan pendapatan sasar iaitu miskin tegar, miskin dan B40 secara mampan.

"Ia juga membantu menyelesaikan isu struktur ekonomi pada peringkat akar umbi berkaitan soal kos sara hidup, pengeluaran makanan domestik dan kebergantungan kepada buruh asing.

"IPR turut memberi tumpuan kepada golongan miskin tegar sama ada di kawasan bandar dan luar bandar menerusi pendekatan kumpulan sasar berasas individu, komuniti atau hibrid.

"Pendekatan berasaskan komuniti turut diberi keutamaan di lokaliti membabitkan masyarakat Orang Asli dan di Sabah serta Sarawak, terutama yang membabitkan ramai golongan miskin tegar," katanya.

"Bagi menjamin kemampunan usaha pembasmian kemiskinan tegar, IPR juga menitikberatkan elemen penjanaan pendapatan.

"Untuk itu, kerajaan mewujudkan tiga templat utama menerusi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

"Ketiga-tiganya bertujuan membantu meningkatkan pendapatan bulanan golongan miskin tegar, miskin dan B40 di samping mengatasi isu kritikal seperti keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan saluran pemasaran produk yang terhad," katanya.

### Bantuan alatan pertanian

Di bawah INTAN, katanya, Kementerian Ekonomi memberi bantuan berbentuk input dan peralatan moden pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elau sara hidup tempoh menunggu penuaian hasil tanaman.

Menerusi INSAN, Nor Azmie berkata, kerajaan menyediakan geran berbentuk bayaran sewaan mesin layan diri untuk tempoh dua tahun ke arah menggalakkan penjualan makanan bermasakan pada harga berpatutan.

"Langkah ini memberi ruang peserta memasarkan produk makanan tanpa perlu berhadapan kesukaran mendapatkan permit dan tapak perniagaan.

"Menerusi pelaksanaan IKHSAN, kerajaan akan menjadi pemudah cara dalam urusan pelantikan pekerja, menyediakan



Program Mesin Vending Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) antara inisiatif dilaksana bagi membantu peserta meningkatkan pendapatan.

Kerajaan mewujudkan tiga templat utama menerusi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)

Nor Azmie Diron,  
Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi



peralatan dan kelengkapan serta memberi elau tambahan kepada peserta.

"Ia sebagai langkah mengurangkan kebergantungan terhadap syarikat penyedia perkhidmatan serta pekerja asing dalam

sektor yang dikenali sebagai 3D (kotor, bahaya dan sukar).

"Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mewujudkan peluang pekerjaan dengan gaji yang setimpal bagi kerja pembersihan di premis awam," katanya.

Nor Azmie berkata, kerajaan turut mengambil langkah memastikan momentum pertumbuhan ekonomi golongan miskin tegar sentiasa meningkat.

Katanya, pendekatan sedia ada menerusi program bersasar individu, komuniti atau hibrid akan diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti dipilih.

"Program merangkumi aktiviti penjanaan pendapatan, kema-

hiran teknikal serta peluang pekerjaan bagi membolehkan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar menjana pendapatan secara mampan.

"Di bawah program pembasmian kemiskinan termasuk IPR, anak-anak daripada keluarga miskin tegar berpeluang menjalani latihan kemahiran dan Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) dengan kerjasama rakan strategik yang menawarkan keapakan dalam bidang berkaitan.

"Menerusi IPR juga, latihan kemahiran dan bantuan pendidikan bersesuaian diberi kepada anak-anak golongan miskin tegar di sekolah bagi mengelakkan masalah keciciran," katanya.

### Tingkat latihan, kemahiran

Bagi memastikan usaha pembasmian kemiskinan tegar berhasil, Nor Azmie berkata, penekanan perlu diberi terhadap pemberian secara 'in-kind' dan latihan kemahiran dan bukan bantuan tunai semata-mata.

Beliau berkata, usaha menangani kemiskinan di seluruh negara bergantung kepada kesediaan usaha semua pihak menggembeng sumber dan tenaga.

"Aspek pemantauan dan penilaian berkala adalah komponen utama dalam program IPR," katanya.



Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) membantu rakyat menjana pendapatan melalui program pertanian dengan pelbagai bantuan agensi kerajaan.

Ikuti secara langsung pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas di Parlimen oleh YAB Perdana Menteri pada hari Isnin, 11 September 2023, jam 10 pagi di platform media utama negara atau layari [rmke12.ekonomi.gov.my/ksp/](http://rmke12.ekonomi.gov.my/ksp/) untuk maklumat lanjut.



TAJUK : 4 TAHUN DERITA RADANG USUS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# 4 tahun derita radang usus

Penyakit kanak-kanak belum ada penawar bergantung ubat RM1.4k bagi tempoh 2 minggu

Oleh Redzuan Muharam  
am@hmetro.com.my

## Alor Gajah

Ketika rakan sebaya lain riang ke sekolah, Muhammad Mikhail Ridzuan, 10, sebaliknya hanya mampu menahan derita radang usus yang menyebabkan pergerakannya terbatas hingga tidak dapat bergerak aktif seperti kanak-kanak lain.

Berkongsi kisah itu, Fatinfilza, 34, berkata, anak sulung daripada empat beradik itu adalah hasil perkahwinannya dengan suami, Ridzuan Mohd Isa, 38.

Katanya, Muhammad Mikhail menghidap penyakit itu sejak berumur enam tahun bermula dengan simptom demam diikuti muntah dan cirit-birit selama empat hari.

"Keadaan itu berlarutan hingga Mikhail (nama panggilan) membuang najis bersama darah.

"Saya dan suami kemudian membawanya ke hospital untuk rawatan. Doktor ada melakukan ujian tibi sebelum anak saya dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Hasil pemeriksaan dijalankan doktor mendapati dinding ususnya penuh dengan darah selain nanah sebelum mengesahkan Mikhail mengalami radang usus," katanya ketika dihubungi Harian Metro.



MUHAMMAD Mikhail menderita akibat radang usus sejak berumur enam tahun.

Menurut Fatinfilza, mereka dimaklumkan belum ada penawar untuk merawat penyakit anaknya itu.

"Berat badan anak saya susut dan kini hanya sekitar 19 kilogram (kg) saja.

"Doktor maklumkan sakit (penyakit) akan kekal sampai bila-bila dan tiada ubat boleh merawatnya buat masa ini.

"Puas sudah saya menngis melihat penderitaan Mikhail hinggan dia terpaksa menggunakan lampin pakai buang.

"Cuma mahu atau tidak, saya dan suami kena reda

kerana sudah itu ketentuan-Nya.

"Selain rawatan moden, kami turut menjalani perubatan Islam," katanya.

Menurutnya, Mikhail kini bergantung dengan ubat yang diambilnya sejak dua minggu lalu.

"Bagaimanapun, ada enam minggu lagi untuk melihat sama ada Mikhail serasi dengan ubat itu atau sebaliknya.

Kos ubat itu adalah RM1,400 bagi tempoh dua minggu. Mikhail perlu bergantung dengannya selama dua tahun.

"Buat masa ini, saya dan suami menjual sambal cili padi ikan bilis, jering dan petai untuk menampung kos membeli ubat berkenaan," katanya.

Selain itu, suaminya turut mengambil upah memotong rumput dan bertukang untuk menampung kos.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada memberi elaun bulanan pesakit kronik sebanyak RM500 manakala RM200 disumbangkan zakat," katanya.

Orang ramai yang berhasrat membantu boleh salurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 0410241100025126 atas nama Fatinfilza Kamarudin atau akaun Bank Islam bernombor akaun 04024029239498 atas nama Ridzuan Mohd Isa atau menghubungi Fatinfilza di talian 014-9498905.



FATINFILZA dan Ridzuan cekal mencari wang untuk membeli ubat buat Muhammad Mikhail (kanan) selain menyara tiga anak lain.



TAJUK : **BERI PELUANG LEBIH RAMAI WANITA BEKERJA**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **18 OGOS 2023**

M/SURAT : **16**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**



**PROGRAM PEMUTIHAN TASKA, PENJAGAAN KANAK-KANAK TAK BERDAFTAR**

# Beri peluang lebih ramai wanita bekerja

Oleh Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@mediapri-  
ma.com.my

**Kuala Lumpur**

Inisiatif kerajaan memudah-  
kan proses pendaftaran dan memperluas  
program pemutihan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak tidak berdaftar di seluruh negara memberi peluang lebih ramai wanita keluar bekerja.

Malah, usaha pemutihan berkenaan akan mengurangkan risiko salah laku pengusaha taska haram seperti isu kecauaan, penderaan mahupun tidak mengikut spesifikasi pihak berkuasa.

Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), Anisa Ahmad berkata, pihaknya mengalu-alukan inisiatif kerajaan yang menyokong dan menambah baik kualiti perkhidmatan dalam industri ini.

"Kalau peruntukan ini dapat membantu mempermudah pendaftaran taska maka ia sudah tentu dapat membantu pengusaha terutama mereka yang baru berjinjak-jinjak mahu membuka taska dan ini juga satu peluang baik untuk wanita bekerja.

"Pada masa sama, ibu bapa lebih yakin menghantar anak mereka ke taska berdaftar kerana mengikut piawaian ditetapkan pihak berkuasa," katanya.

Beliau berharap pelaksanaan inisiatif itu dilakukan secara telus dan dipantau supaya peruntukan dikeluarkan kerajaan benar-benar mencapai objektif menggalakkan wanita mencubai industri ini.

Menurutnya, pihaknya mahu ketelusan dan percincian mekanisme berkaitan dengan pendaftaran sama ada secara langsung atau tidak atau untuk semua jenis taska atau taska tertentu saja.

"Sebenarnya saya masih belum pasti apa yang dimaksudkan dengan RM10 juta untuk memudah cara proses pendaftaran taska, adakah ia untuk bayar segala bayaran yang kami perlu bayar untuk proses mendaftar iaitu kepada arkitek untuk membuat pelan rumah atau kepada pihak berkuasa tempatan (PBT)?

"Adakah dana ini boleh digunakan untuk membuat tangga kecemasan, papan tanda, tiang bendera, kame-



INISIATIF kerajaan memudahkan pendaftaran taska dapat membantu pengusaha terutama mereka yang baru berjinjak-jinjak mahu membuka taska. - Gambar hisan



**Bantuan ini dapat mempercepatkan pendaftaran terutama ketika berdepan dengan PBT yang membabitkan banyak bayaran fi dan meringankan beban kewangan pengusaha. Saya harap bantuan ini terpakai untuk proses pendaftaran baharu mahupun memperbaharui"**

Anisah

lita tertutup (CCTV), kursus KAP dan pemakanan, suntikan tifoid dan lain-lain kerana ini juga perlu menggunakan modal



besar dan syarat wajib sebelum mendapatkan lesen.

"Kalau ikut garis panduan yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), proses ini mudah dan murah, tetapi apabila kita ke PBT daerah masing-masing, ia menjadi sangat mahal, malah ada pengusaha mengeluarkan puluhan ribu untuk pelbagai bayaran," katanya. Mengenai penguasaan program pemutihan taska tidak

berdaftar pula, beliau berkata, usaha kerajaan disifatkan baik dan mengelak kejadian tidak diinginkan berlaku terhadap anak jagaan. "Bantuan ini dapat mempercepatkan pendaftaran terutama ketika berdepan dengan PBT yang membabitkan banyak bayaran fi dan meringankan beban kewangan pengusaha. Saya harap bantuan ini terpakai untuk proses pendaftaran baharu mahupun memper-

baharu. "Sekiranya lebih banyak taska didaftarkan, sudah tentu ia memberi ketenangan kepada ibu bapa meletakkan anak mereka kerana ini juga akan memudahkan pihak berkuasa membuat pemantauan berkala," katanya. Sementara itu, suri rumah, Rosnani Abd Rahman, 44, berkata inisiatif berkenaan membantu golongan sepertinya menjana penda-

patan sendiri dengan mencubai bidang penjagaan awal kanak-kanak tanpa memerlukan modal besar dan melalui prosedur rumit.

"Baguslah kalau prosedur pendaftaran dipermudahkan, saya orang pertama akan mendaftar untuk penjagaan taska di rumah kerana sebelum ini pernah juga hendak mohon tetapi terbantut kerana prosedur rumit.

"Ada syarat permohonan perlu dipenuhi antaranya piawaian Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain suntikan tifoid dan pelbagai lagi.

"Saya menyambut baik kalau prosedur dipermudahkan, ia akan membantu dan memudahkan lebih ramai pengusaha membuka taska terutama di rumah kerana modalnya juga tidak besar berbanding buka taska di premis perniagaan," katanya.


Katanya, apabila sudah berdaftar sudah tentu ibu bapa memiliki lebih keyakinan untuk menghantar anak mereka kepada pengusaha taska di rumah.

"Ibu bapa akan rasa lebih yakin dan selamat menghantar anak mereka kerana taska berdaftar dipantau pihak berkuasa selain boleh membuat tuntutan potongan cukai.

"Inisiatif ini juga akan menggalakkan lebih ramai golongan wanita menjana pendapatan dan boleh membantu keluarga kerana kalau nak buat kerja lain macam berniaga kuih, memang memerlukan modal besar dan risiko tidak laku," katanya.

Bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM10 juta bagi tujuan berkenaan untuk menggalakkan wanita kembali bekerja sekali gus merapatkan jurang jantina dalam pasaran buruh.

Sebagai satu daripada inisiatif Ekonomi Penjagaan (Care-Economy), pusat jagaan kanak-kanak mampu milik akan disediakan yang dilihat berupaya meningkatkan kadar penyertaan wanita di alam pekerjaan.



TAJUK : JAGA MENGAKU SALAH BUAT AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK TIRI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 OGOS 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Jaga mengaku salah buat amang seksual terhadap anak tiri

**Johor Bahru:** Seorang pengawal keselamatan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, kelmarin, atas lapan pertuduhan melakukan perbuatan amang seksual terhadap seorang anak tiri perempuannya sejak tiga tahun lalu.

Lelaki berusia 47 tahun itu didakwa melakukan perbuatan itu terhadap kanak-kanak yang kini berusia 13 tahun di sebuah rumah di Bandar Uda Utama, Taman Perling di sini sejak 2020 hingga 1 Ogos lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta yang sama yang membawa hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.




ANGGOTA polis mengiringi tertuduh di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

Hakim Siti Noraida Sulaiman tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 21 Ogos ini untuk mendengar fakta kes, sebelum menjatuhkan hukuman.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret di sini, Majistret A Sharmini menja-

tuhkan hukuman denda RM1,000 atau 10 hari penjara terhadap tertuduh selepas mengaku bersalah atas pertuduhan mendedahkan kecederaan terhadap seorang lagi anak tiri perempuannya yang juga kembar kepada mangsa amang seksual. - Bernama



TAJUK : PENGHIDAP BARAH TIROID HANYA MAMPU MINUM AIR BUAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Penghidap barah tiroid hanya mampu minum air buah

**Alor Setar:** Berat derita ditanggung Abdul Aziz Romli, 61, apabila tubuhnya menjadi kurus kering akibat menghidap barah tiroid tahap empat.

Isterinya, Norfaizah Daud, 57, berkata, suaminya dikesan menghidap barah itu sejak tiga bulan lalu selepas mengalami demam dan sakit kepala berpanjangan.

Katanya, suaminya yang dahulunya bekerja sebagai pemandu lori adalah perokok tegar sehingga memberi kesan kepada kesihatannya.

"Doktor memaklumkan barah itu sudah merebak dengan cepat ke tulang dan hati menyebabkan dia tidak dapat bergerak.

"Keadaan ini membuatkan saya dan anak-anak



NORFAZAH mengelap kepala suaminya, Abdul Aziz yang menghidap barah tiroid tahap empat menyebabkan berat badannya makin susut.



**Doktor memaklumkan barah itu sudah merebak dengan cepat ke tulang dan hati"**

**Norfaizah**

bimbang kerana dia hanya mampu minum air buah kerana tidak berselera makan.

"Disebabkan itu, saya berikan suami minum susu formula khas walaupun harganya mahal, saya terpaksa beli kerana bimbang berat badannya yang sebelum ini 68 kilogram (kg) susut 42kg sehingga me-

nampakkan tulang," katanya ketika ditemui.

Menurut Norfaizah, suaminya kini hanya terlantar di atas katil kerana tidak dapat berjalan atau duduk disebabkan masalah dialaminya.

Katanya, dia yang dulu menjalankan perniagaan kedai mesin fotokopi terpaksa berhenti kerja untuk menjaga suaminya sepenuh masa.

"Sekarang saya hanya perlu mencari wang untuk membeli susu buat suami kerana satu tin susu hanya bertahan beberapa hari. Dalam sebulan sekurang-kurangnya lima atau enam tin besar diperlukan.

"Suami akan menjalani rawatan susulan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) untuk mengetahui tahap


barah yang dialaminya setakat ini.

"Dia pula asyik mengadu sakit selain tidak boleh terdedah pada cahaya lampu terlalu lama," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh berbuat demikian melalui akaun **Bank Islam milik Norfaizah bernombor 02039024564473 Bank Islam Nor Faizah Daud**

Sementara itu, Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal yang menziarahi keluarga itu turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan bimbingan keperluan dapur serta susu formula khas untuk pesakit itu.

Katanya, pihak CSM akan memberi semangat kepada pesakit supaya meneruskan rawatan di hospital.



TAJUK : TIGA PEKERJA KONTRAK DITUDUH NODA REMAJA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 OGOS 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Tiga pekerja kontrak dituduh noda remaja

**Johor Bahru:** Tiga pekerja kontrak termasuk dua beradik dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan merogol seorang remaja perempuan berusia 15 tahun awal bulan ini.

Bagaimanapun, ketiga-tiga tertuduh, Najib Hashim, 22, dan Muhammad Nazim Hashim, 18, serta seorang rakan mereka, Mohamad Rizuan Semail, 18, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Najib dan adiknya, Muhammad Nazim didakwa merogol mangsa di dalam sebuah kenderaan berwarna hijau di tepi jalan di Bandar Baru Uda di sini, kira-kira jam 9 malam, 4 Ogos lalu.


Mohamad Rizuan pula didakwa atas dua pertuduhan

merogol mangsa yang sama di sebuah kediaman di Bandar Baru Uda di sini, masing-masing kira-kira jam 9 malam, 5 Ogos lalu dan jam 10 malam, keesokan harinya.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Farah Wahida Shahudin menawarkan ikat jamin RM20,000 bagi setiap tertuduh.

Peguam yang mewakili ketiga-tiga tertuduh, Nurhazneena Zureen Jaesleen Mohamad Hanafiah, bagaimanapun memohon mahkamah memberikan jaminan minimum kerana mereka hanya bekerja sebagai buruh kontrak dengan pendapatan RM1,000 sebulan.



TAJUK : MAN NABBED FOR POSING AS COP AND EXTORTION

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 18 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

ASKED FOR RM3,000

## Man nabbed for posing as cop and extortion

**KUALA LUMPUR:** A man who impersonated a policeman and tried to engage in sex with a male university student was arrested on Wednesday.

The 32-year-old had befriended the student via social media and threatened to tell the victim's mother that he was a homosexual if the latter did not pay RM3,000.

Ampang police chief Assistant Commissioner Mohd Azam Ismail said the 24-year-old student had first engaged with the suspect on social media platform X, which was formerly known as Twitter.

The man picked up the victim in a white car in Jalan Putra 4, Ampang on Aug 10.

Azam said the man then claimed that he was a police officer from the Dang Wangi police headquarters.

"The suspect asked for RM3,000. Out of fear, the victim contacted his friend to transfer some money to him.

"The suspect then brought the victim to a bank in Ampang Point shopping centre to withdraw the money, but when it could not be withdrawn, the suspect became angry."

Azam added that the victim later handed over RM1,500 in cash to the man in the car parked in front of a 24-hour convenience store in Taman Nirwana.


"The suspect asked for the balance of RM1,500 to be transferred online to a Maybank account before leaving the victim in front of a restaurant.

"At 6.40pm yesterday (Wednesday), a team from the Ampang Criminal Investigation Department arrested the suspect at a carpark in Petaling Jaya."

Azam said the man had a criminal record, adding that he tested negative for drugs.

"Investigations found that the main reason that the suspect wanted to meet with the victim was to engage in unnatural sex," he added.

The case is being investigated under Section 385 of the Penal Code for causing fear with the intention of extortion.



TAJUK : TRIO CHARGED WITH RAPING 15-YEAR-OLD GIRL IN JOHOR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 18 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



(From left) Najib Hashim, Mohamad Rizuan Semail and Muhammad Nazim Hashim have been ordered to report to the nearest police station once a month. PIC BY IZZ LAILY HUSSEIN

CONTRACT WORKERS

# TRIO CHARGED WITH RAPING 15-YEAR-OLD GIRL IN JOHOR

2 brothers and friend enter not guilty plea, case mention set for Oct 18

IZZ LAILY HUSSEIN  
JOHOR BARU  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**T**HREE contract workers, two of whom are brothers, were charged in the Sessions Court yesterday with raping a 15-year-old girl earlier this month.

The brothers, Najib Hashim and Muhammad Nazim Hashim, aged 22 and 18, respectively, and their friend Mohamad Rizuan Semail, 18, pleaded not guilty after the charge was read separately before judge Siti Noraida Sulaiman.

Based on the charge sheet, Na-

jib and Nazim were alleged to have raped the victim in a green vehicle on the side of the road in Bandar Baru Uda, here, about 9pm, on Aug 4.

Rizuan was charged with two counts of raping the same victim at a residence in Bandar Baru Uda, here, about 9pm on Aug 5 and 10pm the next day.

The three were charged under Section 376(1) of the Penal Code, which carries a maximum prison sentence of 20 years and caning if convicted.

Deputy public prosecutor Nur Farah Wahida Shahudin proposed bail of RM20,000 for each accused.

Defence counsel for all three, Nurhazneena Zureen Jaesleen Mohamad Hanafiah, requested the court grant minimum bail because they only work as contract labourers with an income of RM1,000 monthly.

"All the accused also support their families, including their parents who are not well, as well as their younger siblings who are still in school."

The court then allowed Najib and Nazim bail of RM15,000 each, while Rizuan's bail was set at RM24,000 for both charges.

Noraida also ordered all three to report to the nearest police station once a month, to stay away from witnesses and to hand over their passports to the court.

The case is set for mention again on Oct 18 for the submission of documents.



TAJUK : 16 ELC STUDENTS REWARDED FOR COMPLETING OUTSTANDING BOOK REVIEWS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 18 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 16 ELC students rewarded for completing outstanding book reviews

**KUCHING:** The English Language Centre (ELC) recently awarded 16 of its students with MPH gift vouchers for completing at least 10 outstanding book reviews.

The students, aged 8 to 16, each received RM30 worth of vouchers.

ELC in a press statement said the seven-month reading campaign, which started in January, encouraged students to cultivate the habit of reading.

"We want our students to find joy in reading books of different genres to widen their knowledge and to improve their vocabulary

and writing skills," said ELC principal Christina Lau.

According to her, students at ELC looked forward to going to the school library every week with their teachers.

"They filled in their own library forms with the book title, the author's name and checked-out dates," she said.

Lau said similar campaigns will be organised in the future and all ELC students are encouraged to participate.

"They will be awarded for their effort in writing book reviews," she added.



Three Primary 2 students pose with their vouchers during a group photo with Lau (right) and their class teacher Sherry.



TAJUK :	42 FAMILIES WHO LOST HOMES IN TWO FIRE INCIDENTS RECEIVE AID FROM MRUM REP		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	18 OGOS 2023	M/SURAT :	09
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# 42 families who lost homes in two fire incidents receive aid from Murum rep

**KAPIT:** Murum assemblyman Kennedy Chukpai Ugon recently handed over financial aid totalling RM42,000 and other assistance to 42 families who lost their homes in two separate fire incidents.

The victims comprised 11 families from Rumah Chaong in Sungai Seduan whose homes were destroyed on Aug 3, and 32 families rendered homeless in a fire at Tubau bazaar on Aug 4.

They each received RM1,000 along with daily necessities to help ease their burden.


"I wish to extend my appreciation to all the agencies involved during and after the fire outbreaks, such as Bintulu Division Disaster Management Committee, Sebauh district office, Welfare Department, Fire and Rescue Department and Civil Defence Force.

"I hope the cash and other assistance rendered to the victims would help serve their immediate needs," Chukpai said during the handover of the aid to Rumah



Chukpai (right) presents the assistance to Tuai Rumah Chaong Jampang at the site of the razed longhouse.

Chaong folks. Among those present were Penghulu Joshua William and Jelalong Tubau Action Committee chairman Tuai Rumah Lichong Along.



TAJUK : COLLABORATION KEY TO ADDRESSING SOCIAL ISSUES, SAYS FATIMAH

HARI : JUMAAT

